

# PPP mohon tiga

UM 27/10/03

**K**UALA LUMPUR 26 Okt. – Parti Progresif Penduduk (PPP) akan memohon peruntukan sekurang-kurangnya tiga kerusi Parlimen dan 11 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum akan datang.

Presiden PPP, Datuk M. Kayveas berkata, pihaknya telah menyediakan dokumen berkaitan bagi menyokong permohonan mereka dan hanya menunggu masa yang sesuai untuk mengemukakan kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang akan datang iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

“Kita akan cuba minta sekurang-kurangnya satu kerusi di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang, manakala di Perak kita mungkin minta tiga kerusi DUN.

“Dan juga ada di dua tiga negeri kita akan minta kerusi Parlimen,” ujarnya.

Kayveas berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Agung PPP ke-50 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Terdahulu, Kayveas dalam ucapannya menyatakan, ahli-ahli PPP amat mengharapkan parti itu benar-benar terlibat dalam kegiatan BN dengan diberikan peruntukan kerusi untuk bertanding pada pilihan raya umum.

“Kami tidak ada masalah untuk terus menyokong konsep perkongsian kuasa BN, cuma kami berharap menjelang pilihan raya umum akan datang, PPP benar-benar terlibat dalam perkongsian tersebut.

“Sebenarnya, saya pada ketika ini diberi amanah oleh seluruh ahli dan pemimpin PPP untuk mengambil kesempatan ini untuk memanjangkan hasrat mereka supaya PPP diperuntukkan kerusi dalam pilihan raya akan datang,” ujarnya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, PPP perlu meminta peruntukan kerusi itu kepada Abdullah yang akan menggantikannya pada akhir bulan ini.

“Sama ada dapat kerusi atau tidak, bukan lagi menjadi tanggungjawab saya, jadi sebaik-baiknya dengan pengganti saya ini (Abdullah).

“Saya yakin pengganti saya ini akan memberikan pertimbangan yang adil dan saksama kepada PPP,” katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar kemudiannya, Abdullah berkata, BN akan bersikap adil dan saksama dalam pembahagian kerusi tetapi enggan mengulas lanjut kerana Jawatankuasa Pengurusan BN belum bertemu untuk berbincang mengenainya.

“Kita kena ambil kira kerusi baru dan kerusi lama sekali, lepas itu barulah kita buat formula untuk pengagihan,” katanya.

kawasan parlimen